

Prinsip Koperasi

- Keanggotaan sukarela dan terbuka
- Kawalan demokratik oleh anggota
- Penglibatan ekonomi oleh anggota
- Autonomi dan kebebasan
- Pendidikan, latihan dan maklumat
- Kerjasama antara koperasi
- Mengambil berat terhadap masyarakat

APA ITU KOPERASI?

Koperasi ertiaya suatu pertubuhan orang berautonomi yang bersatu secara sukarela untuk memenuhi keperluan dan aspirasi ekonomi, sosial dan budaya mereka yang sama melalui suatu perusahaan milik bersama dan dikawal secara demokrasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993.



KOPERASI ASAS

Suatu pertubuhan yang terdiri daripada orang individu sahaja dan yang matlamatnya adalah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut prinsip koperasi.

KOPERASI MENENGAH

Suatu pertubuhan yang terdiri daripada koperasi asas sahaja dan yang matlamatnya adalah untuk memudahkan penjalanan koperasi sedemikian.

KOPERASI ATASAN

Suatu pertubuhan yang terdiri daripada koperasi menengah sahaja atau koperasi menengah dan asas dan yang matlamatnya adalah untuk memudahkan penjalanan koperasi sedemikian.



**SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia**



VISI

Peneraju Kecemerlangan Koperasi
Bagi Menjadikannya Penyumbang
Berkesan Kepada Pembangunan Negara

MISI

- Merangsang pembangunan koperasi supaya kompetitif, berdaya tahan, berdaya saing, progresif dan berintegriti
- Meningkatkan penglibatan koperasi dalam pelbagai sektor ekonomi
- Membangunkan modal insan yang kompeten dan berbudaya keusahawanan

03-2083 4000

03-2083 4100

www.skm.gov.my

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

#jomberkoperasi

JOM
BERKOPERASI!
#jomberkoperasi
www.skm.gov.my

JOM
BERKOPERASI!

SOALAN LAZIM

Bagaimanakah cara untuk mendaftarkan koperasi?



01

PERMOHONAN KEBENARAN PENDAFTARAN KOPERASI SECARA ATAS TALIAN

Panduan pengisian borang kebenaran pendaftaran koperasi secara atas talian adalah seperti berikut:

- ❑ Daftar Masuk ke Sistem Permohonan Atas Talian (Online) SKM (<https://apponline.skm.gov.my/>)
- ❑ Isi bahagian maklumat asas koperasi, pemohon koperasi dan aktiviti koperasi.
- ❑ Sahkan maklumat permohonan dan hantar permohonan.

Surat Kebenaran Pendaftaran akan diberikan dalam masa tiga (3) hari bekerja. Pemohon boleh menyemak dan mencetak surat tersebut secara atas talian.

02

MENGHUBUNGI SURUHANJAYA



Rujuk Surat Kebenaran Pendaftaran bagi mendapatkan maklumat pegawai dan SKM Cawangan Negeri yang telah ditetapkan untuk dihubungi.

03

KIT PENDAFTARAN KOPERASI

Suruhanjaya akan mengemukakan Kit Pendaftaran Koperasi kepada pemohon sebagai panduan bagi permohonan pendaftaran koperasi yang mengandungi:

- (i) GP12: Garis Panduan Berkennaan Dengan Pendaftaran Koperasi
 - Lampiran A : Contoh Minit Mesyuarat Agung Permulaan
 - Lampiran B : Butiran Undang-undang Kecil
 - Lampiran C : Permohonan Bagi Pendaftaran Koperasi di bawah Jadual Pertama
 - Lampiran D : Helaian Terakhir Undang-undang Kecil
 - Lampiran E : Borang Fi Pendaftaran
- (ii) Brosur Hak dan Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi;
- (iii) Brosur Hak dan Tanggungjawab Anggota; dan
- (iv) Format Undang-undang Kecil Seragam.

04

MESYUARAT AGUNG PERMULAAN

Pemohon perlu mengadakan Mesyuarat Agung Permulaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Surat Kebenaran Pendaftaran diterima dan mencetak surat tersebut secara atas talian.

05

DOKUMEN PERMOHONAN PENDAFTARAN

Borang permohonan pendaftaran koperasi dan dokumen yang berkaitan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya melalui:

- (i) memuat naik secara atas talian melalui sistem e-Daftar; dan/atau
- (ii) menghantar salinan cetak kepada pejabat Suruhanjaya Wilayah atau Negeri.

SIJIL PENDAFTARAN KOPERASI

Pemohon akan menerima sijil pendaftaran koperasi dan naskah Undang-undang Kecil Koperasi setelah Suruhanjaya mendaftarkan sesuatu koperasi di bawah subseksyen 7(1) Akta Koperasi 1993.



Scan me!